

**Umno Sokong Pelan Transformasi Pendidikan – Najib  
Bernama  
3 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno Jumaat melahirkan sokongan penuh kepada pelan transformasi pendidikan yang sedang diusahakan Kementerian Pelajaran, kata Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib, yang juga Perdana Menteri, berkata sokongan itu selaras dengan sokongan yang diberikan oleh Kabinet dalam usaha untuk mencapai satu lonjakan luar biasa dalam bidang pendidikan negara.

Beliau berkata satu bengkel khas untuk membincangkan mengenai cadangan pelan transformasi diadakan pagi tadi dan penerangan mengenainya dibuat timbalan beliau, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang juga Menteri Pelajaran.

"Di sini saya nyatakan bahawa MT menyokong penuh untuk kerajaan buat rombakan pada sistem pendidikan negara," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Menara Dato' Onn di sini, hari ini.

Najib berkata butiran lanjut mengenai pelan transformasi itu akan diumumkan pada 11 Sept depan.

Dalam melaksanakan kajian semula sistem pendidikan kebangsaan, Kementerian Pelajaran mengadakan pelbagai siri Dialog Pendidikan Nasional sejak April lepas yang bertujuan mendapatkan pandangan masyarakat mengenai perkara-perkara yang perlu dilakukan kerajaan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Pada 21 Julai lepas, ketika merasmikan Kolej Perubatan dan Sains Antarabangsa Pusrawi, Muhyiddin berkata laporan awal mengenai kajian semula sistem pendidikan kebangsaan akan disiapkan bulan ini dan kandungannya akan diumumkan untuk mendapatkan maklum balas orang ramai sebelum satu rangka tindakan akhir disediakan oleh Kementerian Pelajaran.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685572>





